

Headline	Jiwa kosong		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	23	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	279 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Sabran Md Sani	AdValue	RM 10,265
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,795



Susulan dosa tiada dara

# Jiwa kosong

>>Oleh Mohd Sabran Md Sani  
sab@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Sistem pendidikan kita sama ada formal atau sebaliknya tidak mendidik nilai dan etika hingga tidak terbangun karakter yang bersesuaian sebagai pelajar atau individu berpendidikan," kata pendakwah bebas yang juga kaunselor, Dr Rubiah Hamzah.

Melihat kepada senario semasa, beliau berkata, sistem pendidikan ketika ini lebih menumpukan kepada pencapaian dan kecemerlangan pelajar berbanding pembangunan sahsiah diri terutama berkaitan jiwa dan hati dalam mengenal Tuhan.

"Saya lihat sistem pendidikan kita pada hari ini lebih menumpukan kepada pencapaian material dan keputusan cemerlang...dengan kata lain pencapaian baik pada hari ini untuk memudahkan seseorang itu mendapat kerja pada hari esok.

"Maknanya, sistem yang ada sekarang ini tidak mendidik jiwa dan hati. Jika kedua-dua perkara ini tidak ada dalam arus pembentukan karakter manusia, maka lahirlah manusia yang ada akal, tetapi tidak mempunyai jiwa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan muka depan akhbar ini pada Sabtu lalu mengenai kisah sekumpulan siswi institusi pengajian tinggi (IPT) berusia 19 hingga 21 tahun yang tidak mahu melihat ada ahli kumpulan mereka masih dara.

Meskipun berstatus pelajar



**"Maknanya, sistem yang ada sekarang ini tidak mendidik jiwa dan hati. Jika kedua-dua perkara ini tidak ada dalam arus pembentukan karakter manusia, maka lahirlah manusia yang ada akal, tetapi tidak mempunyai jiwa"**

>Dr Rubiah Hamzah

IPT, malangnya akhlak masing-masing amat rendah apabila aktif mengamalkan seks bebas, malah bergabung mewujudkan seolah-olah satu kelab bagi merancang kegiatan.

Malah, sesiapa yang masih dara dipecat 'keahliannya' atau tidak layak menyertai kelab itu dan dianggap sebagai kolot atau kekampungan.

Akibatnya, seorang daripada siswi yang pernah menjadi ahli 'kelab tiada dara' itu kini menanggung derita kerana disahkan doktor dijangkiti virus HIV berikutan terbabat kegiatan seks bebas.

Dr Rubiah berkata, individu yang tidak mempunyai jiwa dan hati akan mudah menjadi senjata iblis, sekali gus terdorong untuk melakukan perkara yang disukai iblis.

"Jika dikaitkan dengan aktiviti kumpulan ini (kelab tiada dara) mereka mempunyai akal, tetapi tidak ada jiwa. Walaupun ada jiwa, tetapi tidak dididik akal..hati menjadi 'raja' dan otak pula menjadi Perdana menteri (PM).

"Kalau menggunakan otak saja, tetapi tidak merujuk hati, maka diri seseorang itu akan melihat benda-benda maksiat sebagai sesuatu yang betul dan bukan sebaliknya, sekali gus menyebarkan konsep jahat dalam diri," katanya.

Menurutnya, sistem dalam masyarakat dan universiti tidak mampu mengekang diri pelajar, melainkan pada waktu tertentu seperti kuliah, namun pergerakan akan menjadi bebas selepas tamat belajar hingga wujudnya kumpulan seperti itu.